

MODUL CEMERLANG SET 6		
TINGKATAN	PEL	TAJUK
4	PEL 16	Sistem Kehakiman Islam
5	PEL 9	Isu, Masalah dan Cara Penyelesaian Masalah Menurut Islam.

PELAJARAN 16	SISTEM KEHAKIMAN ISLAM
TINGKATAN	4
KERTAS	1
BAHAGIAN	A/B

1. Prinsip seorang hakim adalah _____
 - A Keadilan
 - B Keilmuan
 - C Kejujuran
 - D Kebijaksanaan

2. Matlamat utama Sistem Kehakiman Islam adalah _____
 - A Mengatur kehidupan manusia atas dasar amar ma'aruf nahi mungkar
 - B Melahirkan masyarakat yang mengamalkan cara hidup Islam.
 - C Memupuk nilai-nilai bekerjasama dalam masyarakat.
 - D Menegakkan keadilan menghapus kezaliman.

3. Manakah di antara berikut **bukan** prinsip kehakiman dalam Islam.
 - A Bersumber daripada Allah s.w.t.
 - B Mempunyai keilmuan yang tinggi.
 - C Menyeru kebaikan mencegah kemungkaran.
 - D Menegakkan keadilan menghapus kezaliman.

4. Manakah antara berikut **bukan** cara menegakkan keadilan dalam Sistem Kehakiman Islam?
 - A Hukuman yang setimpal mengikut kesalahan.
 - B Menjatuhkan hukuman mengikut bangsa dan agama.
 - C Hukuman dilaksanakan apabila terdapat bukti dan saksi yang sah.
 - D Hukumannya berbentuk pengajaran dan pencegahan kepada semua pihak.

5. Keistimewaan sistem kehakiman Islam ialah:
 - I Mendidik jiwa agar mentaati Allah s.w.t.
 - II Memajukan negara dalam pelbagai aspek.
 - III Balasan dan hukuman yang setimpal dengan kesalahan.
 - IV Undang-undang dan hukumannya kekal dan tidak berubah.
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Soalan 6 hingga 8

Lengkapkan pernyataan berikut

6. _____ tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh.
7. Hakim hendaklah _____ dan amanah dalam tugasnya.
8. Hakim tidak boleh mensabitkan kesalahan jika ada _____.

Soalan 9 hingga 10

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- 9 Menyandarkan sesuatu hukum yang tiada hukumnya mengikut nas kepada sesuatu hukum asal.
- 10 Hasil ijtihad majoriti ulama dalam sesuatu perkara pada masa tertentu yang tidak jelas nasnya sama ada dalam al-Quran atau Hadis.

JAWAPAN PELAJARAN 16				
1	A	6	Hakim	10
2	D	7	Jujur	
3	B	8	Keraguan	
4	B	9	Qias	
5	C	10	Ijmak	

PELAJARAN 17	SISTEM KEHAKIMAN ISLAM
KERTAS	2

- 1 Terangkan **dua** matlamat utama kehakiman Islam dalam sesebuah negara.
 - i. _____
 - ii. _____ 2x2m=4m
- 2 Senaraikan **dua** sumber dalam sistem kehakiman Islam
 - i. _____
 - ii. _____ 2x1m=2m

3 Jelaskan **dua** tanggungjawab seorang hakim menurut Islam

i. _____


ii. _____

2x2m=4m

JAWAPAN KERTAS 2

1	<p>Dua matlamat utama kehakiman Islam dalam sesebuah negara iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> - menegakkan keadilan /(I) tanpa mengira bangsa dan warna kulit /(H) - menentang kezaliman / (I) supaya rakyat hidup aman damai /(H) - membela orang yang dizalimi/ (I) agar keadilan dapat ditegakkan /(H) 	2x2m=4m
2	<p>Empat sumber dalam sistem kehakiman:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Al –Quran - Al – Hadis - Al –Ijmak - Al – Qias 	2x1m=2m
3	<p>Dua tanggungjawab seorang hakim menurut islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjatuhkan hukuman dengan adil (I) tanpa mengira taraf seseorang (H) - Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah (I) yang menyebabkan akan berlaku ketidakadilan dalam perbicaraan (H). - Menjatuhkan hukuman tanpa ragu (I) kepada orang yang bersalah (H) - Membebaskan tertuduh jika terdapat keraguan (I) semasa proses penghakiman berlangsung (H) 	2x2m=4m

PELAJARAN 9	ISU PENYELESAIAN MASALAH
TINGKATAN	5



- 1 Carta aliran di atas merupakan langkah yang diambil oleh guru ketika menyelesaikan masalah pergaduhan pelajar.
X ialah

- A. Melakukan penilaian semula
- B. Menerangkan akibat perbuatan berkenaan
- C. Mengenalpasti punca masalah secara terperinci
- D. Memberi nasihat dengan cara yang penuh hikmah

Kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada Allah SWT.

2. Pernyataan di atas merujuk kepada penyelesaian masalah berasaskan
- A. Ibadah
 - B. Syariah
 - C. Akhlak
 - D. Aqidah

Bangsa yang ketinggalan dalam pendidikan akan mundur

- 3 Antara yang berikut yang manakah cara penyelesaian masalah ketinggalan pendidikan melalui syariat?
- A. Menghormati orang yang berilmu
 - B. Berdedikasi dalam menuntut ilmu
 - C. Mewajibkan umatnya menuntut ilmu
 - D. Menyebarkan ilmu kepada orang tertentu
4. Antara yang berikut yang manakah cara menghindari masalah ‘menghidu gam’ dalam kalangan remaja?
- A. Mengelakkan diri daripada terlibat dengan rakan sebaya
 - B. Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti
 - C. Mengenakan tindakan tegas
 - D. Menghayati ajaran agama

5. Setiap masalah adalah ujian daripada Allah SWT. Bagaimanakah anda menghadapi ujian tersebut?

- I. Bertawakal kepada Allah SWT
- II. Berdoa kepada Allah SWT
- III. Berserah diri kepada nasib
- IV. Muhasabah diri

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

BAHAGIAN B

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan.

6. Segala hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah kepada manusia

7. Menghasilkan atau membawa pembaharuan ke arah yang lebih baik

Soalan hingga 8 – 10

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Kekuatan ekonomi
---	------------------

Y	Jati diri ummah
---	-----------------

	Pernyataan	Jawapan
8	Umat Islam perlu mempunyai ilmu dan kepakaran dalam pbagai bidang	<input style="width: 100%; height: 100%;" type="text"/>
9	Kefakiran membawa seseorang kepada kekufuran	<input style="width: 100%; height: 100%;" type="text"/>
10	Umat Islam dapat berdikari dan tidak mengharapkan bantuan orang lain.	<input style="width: 100%; height: 100%;" type="text"/>

JAWAPAN PELAJARAN 9			
1	C	6	SYARIAT
2	D	7	INOVATIF
3	C	8	X
4	D	9	Y
5	B	10	X
			10

PELAJARAN 9	ISU PENYELESAIAN MASALAH
KERTAS	2

KERTAS 2

1. Nyatakan maksud perpaduan ummah? (2 markah)

2. Jelaskan **dua** langkah bagi menyelesaikan masalah perpaduan ummah. (4 markah)

3. Terangkan **dua** cara memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar. (4 markah)

JAWAPAN KERTAS 2

1	Maksud perpaduan ummah : Perpaduan ummah bermaksud sebuah masyarakat yang hidup sayang-menyayangi antara satu sama lain.
2	Dua langkah bagi menyelesaikan masalah perpaduan ummah : -Melalui akidah (I) iaitu kepercayaan yang sama kepada Allah yang Maha Esa (H). -Melalui syariat (I) di mana Islam telah mensyariatkan kewajipan berzakat dan sedekah untuk mengeratkan perpaduan (H). -Melalui akhlak (I) di mana Islam memerintahkan umatnya supaya bersifat toleransi dan hormat-menghormati(H).
3	Cara memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar : -Sayang menyayangi di antara satu sama lain (I) seperti sambutan hari lahir (H).

<p>-Bantu membantu diantara satu sama lain (I) seperti gotong royong perdana (H). -Hormat-menghormati diantara satu sama lain (I) seperti ziarah menziarahi waktu perayaan (H).</p>
